

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 JANUARI 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI tambah peruntukan RM20 juta kepada dana khas sempena Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016	BERNAMA
2.	'People's wellbeing remains the priority'	New Straits Times
3.	Skywathers in for rare treat as 5 planets become visible simultaneously	New Straits Times
4.	Beri peluang wanita ke ISS	BERNAMA
5.	Dua gempa bumi berskala sederhana landa Yungkang, Taiwan dan Sorong, Indonesia	BERNAMA
6.	Felcra tambah baik kawasan tadahan air hadapi EL Nino	BERNAMA



MOSTI Tambah Peruntukan RM20 Juta Kepada Dana Khas Sempena Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016

MELAKA, 19 Jan (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) memperuntukkan dana khas berjumlah RM20 juta sebagai peruntukan tambahan sempena Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016 bagi memberi impak tinggi kepada negara dalam sektor itu.

[Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata peruntukan berkenaan akan diselia Jawatankuasa Khas Pengkomersilan yang telah ditubuhkan bagi memberi nilai tambah bagi setiap produk yang dihasilkan untuk tujuan pengkomersilan.

"Dana ini sebagai pemudah cara kepada penyelidik kita sekiranya diperlukan untuk menambah elemen atau memberi nilai tambah agar produk yang dihasilkan mampu dikomersilkan.

Usaha ini akan dilaksanakan Jawatankuasa Pengkomersilan yang ditubuhkan di peringkat Mosti bersama beberapa agensi lain sebagai langkah terbaharu kita meningkatkan nilai produk yang hendak dikomersilkan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Komputer peringkat Parlimen Tangga Batu anjuran bersama Standard Chartered di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan 60 komputer kepada 12 sekolah rendah di sekitar Parlimen Tangga Batu antaranya Sekolah Kebangsaan Kampung Gelam, Sekolah Kebangsaan Paya Rumpit, Sekolah Kebangsaan Krubong, Sekolah Kebangsaan Lereh dan Sekolah Kebangsaan Pantai Kundor.

Penyerahan berkenaan turut disaksikan Ketua Pegawai Penerangan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad Datuk Arif Siddiqui.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata sehingga kini 125 produk penyelidikan telah berjaya dikomersilkan sejak 2014 namun sebahagian daripadanya dilihat masih belum mencapai standard antarabangsa iaitu produk yang berimpak tinggi.

"Kita tidak mempunyai masalah besar untuk mencapai sasaran 360 produk untuk dikomersilkan sempena Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016 ini namun bukan semua daripadanya merupakan produk berimpak tinggi," katanya.

Beliau berkata penyelidik tempatan disaran memberi tumpuan khusus terhadap pengeluaran produk elektrik dan elektronik yang dilihat mempunyai impak lebih tinggi berbanding produk makanan dan sebagainya.

Katanya MOSTI akan memberi tumpuan terhadap produk keluaran agensi di bawah kementerian itu antaranya [Sirim Bhd](#), [Yayasan Inovasi Malaysia](#) dan [Agensi Nuklear Malaysia](#) kerana kebanyakan keluaran agensi berkenaan mempunyai impak tinggi dan mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 20 JANUARI 2016 (RABU)



Datuk Dr Abu Bakar Md Diah (right) helping a pupil using a sponsored computer in SK Kampung Gelam, Malacca, yesterday. Pic by Nor Shafinaz Sari

'People's wellbeing remains the priority'

MALACCA: All quarters should adopt a "wait and see" attitude and not make baseless assumptions until the recalibrated 2016 Budget is tabled by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak next week.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said unnecessary speculation would not benefit any party.

He said efforts to improve the people's living standards was always high on the government's agenda.

"The prime minister is concerned about this and will give priority to the people's wellbeing.

"This will be prioritised when the prime minister recalibrates the 2016 Budget," he said after presenting computers sponsored by Standard Chartered Bank to representatives from primary schools in Tangga Batu parliamentary at SK Kampung Gelam here yesterday.

Present was the bank's chief information officer Datuk Arif Sidiqui.

Najib, who is also finance minister, will present the recalibrated 2016 Budget on Jan 28.

On another matter, Abu Bakar who is Tangga Batu member of parliament urged Malaysians to sup-



port government efforts to commercialise innovative products this year.

He said the people could play their part by buying and using innovative products that were invented by Malaysians.

"This year, Mosti (Science, Technology and Innovation Ministry) will focus on commercialising high impact products developed by agencies under the ministry," he said adding that 2016 had been declared as Innovative Product Commercialisation Year.

He said agencies, such as Sirim, Technology Park Malaysia, Malaysian Nuclear Agency and Malaysian Foundation for Innovation, had a great number of products which could be commercialised by the ministry.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 20 JANUARI 2016 (RABU)

Skywatchers in for rare treat as 5 planets become visible simultaneously

KUALA LUMPUR: Starting from dawn today, five planets — Mercury, Venus, Saturn, Mars and Jupiter — will be visible to the naked eye simultaneously.

Science, Technology and Innovation Ministry's Langkawi National Observatory research officer Farahana Kamarudin said the phenomenon, which is called planetary conjunction, would last for about a month.

She said the phenomenon occurred when two or more astronomical objects seem visually closer to Earth than they appear to be.

These planets, she said, would be visible before sunrise today for the first time since January 2005, exactly 11 years ago.

"Malaysians can view it at 6.54am today. The planets will remain visible before dawn until Feb 20.

"You must look towards the east just before sunrise. You will see five bright objects in the sky. Those are the planets.

"Jupiter will rise in the east late in

the evening. Mars will rise an hour or two after midnight, while Venus and Saturn will climb up above the southeast horizon concurrently about 2½ hours before sunrise.

"Mercury rises 30 minutes before sunrise," she said yesterday.

Farahana said there was no significance to the phenomenon, but its occurrence would vary due to the celestial object route.

She said it may not happen again in the next 10 years.

"Planetary conjunction is a natural phenomenon that happens frequently but with different celestial bodies, like Saturn and Venus' close coupling planets on Jan 9," she said.

The Conversation, a portal collaboration between editors and academics, reported that Feb 7 was expected to be the best day for viewing.

Melbourne University's Honorary Fellow and Senior Curator (Astronomy) Tanya Hill said people were advised to try and locate the moon first as all five planets would be

aligned on the same path the moon travelled.

"It's been a long time since the orbits of all five planets brought them together to the same patch of sky. To make the best of the viewing opportunity, try and get to a clear open space where you can see from the north all the way across to the eastern horizon," she said.

Hill said there was more to come.

"In August, the five planets will be together again, visible in the evening sky," she said.

Farahana said Malaysians should take the opportunity to observe and take images of the solar system phenomenon, encouraging all to share the moment with others.

She said the public should not miss one of the greatest astronomical events set to happen this year — the total solar eclipse on March 9.

The total solar eclipse, she said, would be seen clearly in Indonesia. Malaysians, however, would be able to see only a partial solar eclipse during sunrise.



Five planets, **Mercury, Venus, Saturn, Mars and Jupiter**, will be visible to the naked eye just before dawn today.



Beri Peluang Wanita Ke ISS - Dr Sheikh Muszaphar

SHAH ALAM, 19 Jan (Bernama) -- Kerajaan disaran memberi peluang kepada golongan wanita untuk diserap dalam program misi menghantar angkasawan kedua ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Menyarankan demikian, Angkasawan Negara Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha berkata, "Apabila wanita diberi peluang ke ISS, kita juga berharap mereka ini mampu menjadi pemangkin semangat kepada wanita lain untuk mencapai impian mereka (ke angkasa lepas)".

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menunjukkan pakaian angkasa SOKOL kepada pengunjung kompleks karangkraf di sini, hari ini.

Pakaian tersebut digunakan Sheikh Muszaphar Shukor dalam perjalanannya ke Soyuz TMA-11, sembilan tahun lepas.

Turut hadir pada majlis itu, Angkawasan Rusia Salizhan Sharipov.

Sheikh Muszaphar berkata program angkasawan negara kedua perlu mempunyai misi yang berbeza supaya ia lebih bermanfaat dan berbaloi.

"Ia bukan perkara yang mudah," katanya.

"Untuk program ini kita memerlukan kos yang sangat besar.

"Program yang kedua perlu berbeza dengan program yang pertama supaya kajian dibuat dapat dimanfaatkan sepenuhnya selain dilihat berbaloi dengan kos yang dikeluarkan," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dilaporkan akan mengemukakan cadangan berkenaan program misi menghantar angkasawan kedua ke ISS untuk melakukan penyelidikan saintifik, kepada kerajaan pada penghujung tahun ini.

Timbalan menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata MOSTI kini sedang merangka perinciannya menerusi perjumpaan, perbincangan dan perundingan bersama para saintis, ahli akademik dan mereka yang berkaitan dalam menentukan jenis penyelidikan yang sesuai dilakukan.

-- BERNAMA



Dua Gempa Bumi Berskala Sederhana Landa Yung kang, Taiwan Dan Sorong, Indonesia

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Dua gempa bumi berukuran 5.2 pada skala Richter melanda Yung kang, Taiwan dan Halmahera, Indonesia awal pagi ini.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dalam satu kenyataan di sini hari ini, gempa bumi pertama berlaku di Halmahera, 180km barat laut Sorong pada pukul 3.21 pagi.

Sementara gempa bumi kedua melanda 95km tenggara Yung kang pada pukul 10.13 pagi tadi.

Kedua-dua gempa bumi tidak mengakibatkan ancaman tsunami, katanya.

-- BERNAMA



Felcra Tambah Baik Kawasan Tadahan Air Hadapi El Nino

PASIR SALAK, 19 Jan (Bernama) -- Felcra sedang menambahbaik kawasan-kawasan takungan air di kawasan padi miliknya sebagai persediaan menghadapi kesan cuaca panas dan kering ekoran fenomena El Nino.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Ramlee Abu Bakar berkata pihaknya perlu memastikan bekalan air sentiasa mencukupi agar para petani dapat menghasilkan tanaman padi yang berkualiti.

"Setakat ini belum ada lagi kawasan tanaman padi Felcra yang terjejas. Namun kita kini mengawal dan sering pantau fenomena itu.

"Tetapi, kita menjangkakan akan terdapat penurunan produktiviti penghasilan padi tahun ini disebabkan fenomena alam yang tidak menentu itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penuaian padi musim kedua membabitkan 1,000 peserta di Ladang Padi Felcra Seberang Perak di sini hari ini.

Felcra mempunyai 3,200 hektar tanaman padi di ladang itu.

Selain itu, Ramlee menyarankan petani supaya mengusahakan tanaman kontan di sekitar sawah padi masing-masing bagi mengimbangi ekonomi mereka kesan daripada cuaca panas dan kering sekarang.

Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan cuaca panas dan kering yang berlaku di Perlis dan Kedah, dijangka dialami seluruh Semenanjung pada penghujung Januari hingga Mac ini.

Tambah Ramlee, sehingga kini Felcra telah memajukan lebih 265,000 hektar tanah terbiar di seluruh negara dengan tanaman sawit, getah dan padi melibatkan hampir 100,000 peserta.

-- BERNAMA